

09 SEP 1996

SETIAUSAHA PERTAHANAN BRITAIN LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Setiausaha Pertahanan Britain Michael Portillo akan melawat Malaysia selama empat hari mulai Rabu.

Menurut kenyataan Suruhanjaya Tinggi Britain hari ini, lawatan pertama Portillo sejak memegang jawatan itu pada 5 Julai tahun lepas ialah sebagai membalas lawatan Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar ke Britain Jun lepas.

Portillo akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta mengadakan perbincangan dengan Syed Hamid.

Beliau juga dijadual melawat pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan ibu pejabat Sistem Pertahanan Udara Bersepadu (IADS) di Butterworth.

Portillo akan diiringi isterinya Carolyn serta Ketua Sekretariat Luar Negeri dalam Kementerian Pertahanan Britain David Bonner dan empat pegawai lain. -- BERNAMA

ZUL RON